Tahukah Tuan Siapakah Seteru Tuan yang Sebenarnya?

(Oleh Hamat Ad-Din)

Tahukah tuan siapakah seteru agama tuan, yang sedang berusaha menghancur leburkan masyarakat, kebudayaan, siasah dan kebangsaan tuan? Dan setelah ia tidak cukup merampas kebebasan manusia untuk berfikir dan memperdayakan suara, maka mulailah merampas kebebasan agama? Tahukah tuan siapaka dianya?

Kalau tuan tidak tahu maka ketahuilah bahawa seteru tuan yang tersebut ialah "Beruang Merah" (komunis) yang sentiasa bekerja keras dengan bantuan segala tali barut-tali barutnya, memperdaya orang-orang bodoh dan bebal bagi merampas semahal-mahal benda yang mereka miliki akan dia di bawa lindungan dasar-dasarnya yang telah terkenal "indah khabar dari rupa" atau "pepet di luar rencong di dalam".

Dasarnya yang demikian palsunya ini ialah yang akan mengerahkan tenaga tuan dan akan menjadikan tuan perkakas bagi menghasilkan tujuan-tujuannya yang rendah, yang buruk, yang kejam, yang akan membawa kepada kebinasaan!

Oleh yang demikian maka beringatlah tuan daripada terjerumus ke dalam perangkapnya, dan berpeganglah kepada pimpinan agama tuan – agama yang diredhai Allah – Kerana agamalah pendinding dan kubu yang sekebal-kebalnya bagi tuan! Sekianlah keterangan "Hamat Ad-Din".

Sebagai bukti kepada pendapatan yang tersebut di atas maka di bawah ini suatu riwayat penderitaan orang Islam dari daerah Beruang Merah yang telah melarikan dirinya daripada Tanah Rusia dan untuk mengetahui dengan jelas bacalah keterangannya di bawah ini yang kita petik dari Majalah Al-Masur Mesir yang cukup dengan gambar-gambarnya sekali sebagai bukti daripada apa yang tersebut di atas yang mudah-mudahan ada manfaatnya bagi tatapan dan perhatian orang-orang kita kepada apa yang berlaku sebenarnya atas diri orang-orang Islam yang sedang



Penganjur Turkistan Tuan Mubasyir Al-Thurazi sedang sembahyang bersama-sama anak-anaknya dengan khusyuk sambil berdoa mudah-mudahan Tuhan hancurkan komunis Rusia yang telah menjajah tanah airnya dan mengancam keselamatan Islam di sana.

dijajah oleh komunis:

Lari dari cengkaman komunis.

Kerana terancam hidupnya Tuan "Mubasyir At-Thurazi" telah melarikan diri ke Afghanistan dari tanah airnya "Turkistan". Tatkala orang-orang Jerman sedang mengepung "Moscow" dalam masa Perang Dunia yang lalu Tuan "Mubasyir" telah memimpin suatu angkatan tentera dengan tujuan hendak menyeberang ke sempadan dan merampas balik tanah airnya itu tetapi manakala kemaraan Jerman telah terkandas maka cita-citanya yang mulia itu telah terkandas pula.

Melihat kedudukannya di Afghanistan tidak akan terselamat daripada ancaman komunis musuh ketatnya itu maka ia telah berpindah bersama-sama anak-pinaknya ke Mesir.

Lebih lanjut biarlah wartawan Mesir dari "Al-Masur" menceritakan perjumpaannya dengan pahlawan Islam ini:

"Dalam masa kami sedang berbual-bual maka salah seorang daripada anak-anaknya datang memberitahu bahawa waktu Isya' telah masuk, tiba-tiba keadaan yang sedang tenang di situ telah menjadi riuh rendah dan kesemua anak-anaknya pun pergi mengambil wudhuk dengan dihului olehnya dan seketika kemudian baliklah ia dengan ditunda oleh mereka itu. Setelah bang ia terus menjadi imam dan setelah selesai sembahyang maka mereka pun dengan serentak membaca "wirid". Kemudian daripada itu mereka pun membawakan kepadanya mushaf (kitab Quran) dan duduk mengelilinginya. Maka Tuan Mubasyir terus membacakan kepada mereka beberapa ayat Quran dan mentafsirkannya….

"Anak-anaknya berjumlah dua belas orang, delapan daripada mereka itu lelaki – yang tua berumur 28 tahun dan yang kecil sekali 7 tahun – kesemuanya sedang menuntut pada masa ini di Al-Azhar.

"Anaknya yang tertua "Nasrallah" telah tamat pelajarannya di Afghanistan, dan di sana ia telah diangkat menjadi guru kepada "Putera Mahkota". Setelah itu ia telah beristerikan seorang puteri dari "Bukhara". Puteri ini menerima wang bulanan dari kerajaan Afghanistan, dan masih menerimanya walaupun ia telah berpindah mengikut suaminya di Mesir pada masa ini."

Seteru Komunis

Kata wartawan Mesir lagi:

"Panjang perbualan saya dengan penganjur "Turkistan" itu: Tatkala orang-orang Russian hendak membentuk Republik Soviet, maka Tuan Mubasyir yang pada ketika itu sedang berada di Tashkent tidak putus-putusnya menulis di akhbar dan bersyarah menerangkan kepada orang ramai akan bahaya fahaman komunis.

"Setelah komunis mencengkam Tashkent maka ia telah berpindah ke "Bukhara" bagi menamatkan pelajaran agamanya di sana. Sekembalinya ke Tashkent ia telah ditangkap oleh komunis dan setelah dilepaskan ia telah membawa diri ke Afghanistan. Di Afghanistan ia telah diangkat menjadi guru di Sekolah Tinggi Islam dan kemudian daripada itu ia telah diberi satu jawatan tinggi oleh kerajaan Afghanistan dan kekallah ia dalam jawatannya itu selama 13 tahun.

"Sekarang ia sedang bermastautin di Mesir menunggu hari yang di dalamnya Rusia akan menerima paluan yang hebat dan hancur lebur dan dengan itu akan terhapuslah cengkaman komunis dari tanah airnya".



Tuan Mubasyir bersama-sama anak-anaknya. Gambar diambil sebelum ia berpindah ke Mesir.